

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 37

Maklumat di bawah ialah penyata kedudukan kewangan Husni Trading pada 31 Disember 2016:

Husni Trading Penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016			
	RM		RM
Premis	100,000	Modal Awal	104,000
Lengkapan*	14,360	(+) Untung bersih	19,437
Inventori	9,770	(-) Ambilan	9,877
Akaun belum terima*	8,002	Modal akhir	113,560
Bank	5,420	Akaun belum bayar	4,872
Tunai	880	Pinjaman	20,000
	138,432		138,432

*nilai aset bersih

Kunci kira-kira di atas telah disediakan tanpa mengambil kira beberapa perkara berikut:

- (i) Akaun sewa diterima telah menunjukkan baki debit sebanyak RM250 pada awal tahun 2016. Jumlah penerimaan sepanjang tahun 2016 ialah RM5,400. Penyimpan kira gagal membuat pelarasaran untuk sewa belum terima pada akhir tahun yang berjumlah RM850.
- (ii) Baki akaun belum terima pada akhir tahun ialah RM8,200. Peruntukan hutang rugu yang ditolak dari baki akaun belum terima belum lagi diselaraskan. Polisi perniagaan ialah menyelaraskan peruntukan hutang rugu pada kadar 2% baki akhir akaun belum terima.
- (iii) Perniagaan ini menggunakan kaedah garis lurus untuk menyusutnilaikan lengkapannya. Kadar susutnilai ialah 20% setahun. Sebuah alat hawa dingin yang dibeli pada harga RM2,000 pada 30 September 2016 tertinggal daripada perkiraan susutnilai tahunan
- (iv) Kadar faedah atas pinjaman ialah 6% setahun. Pindahan ke untung rugi adalah setakat jumlah yang telah dibayar sepanjang tahun 2016 yang merupakan 60% daripada jumlah sebenar faedah tahun 2016.
- (v) Bil elektrik bulan Disember sebanyak RM320 belum lagi dibayar.
- (vi) Komisen yang telah dibayar untuk bulan Januari 2017 sebanyak RM180 tidak selaraskan pada hari imbangan.

Dikehendaki:

(a) Merekod perkara-perkara di atas mengikut format jadual yang diberikan di bawah:

Akaun-akaun	Urus niaga							
	Baki awal	(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(v)	(vi)	Baki akhir
ASET	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Premis								
Lengkapan								
Inventori								
Akaun belum terima								
Bank								
Tunai								
Komisen terdahulu								
Sewa diterima terakru								
Jumlah Aset								
LIABILITI								
Akaun belum bayar								
Pinjaman								
Kadar bayaran terakru								
Faedah pinjaman terakru								
Jumlah liabiliti								
EKUITI PEMILIK								
Modal								
Untung bersih								
Ambilan								
Jumlah ekuiti pemilik								

(b) Sediakan semula penyata kedudukan kewangan perniagaan ini pada 31 Disember 2016 setelah perkara-perkara di atas diambil kira.